

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HKT 405 Teori dan Kaedah Dalam Kesusasteraan Bandingan

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Dari masa kebangkitannya sehingga tahun-tahun 1960an, Kesusasteraan Bandingan sering dikaitkan dengan model-model kajian yang dirujuk sebagai "sekolah Perancis" dan "sekolah Amerika". Namun, mulai tahun-tahun 1970an kedua-dua model tersebut telah dicabar oleh model-model alternatif yang umumnya datang dari luar tradisi Eropah-Amerika.

Bincangkan ciri-ciri kajian "sekolah Perancis" dan kajian "sekolah Amerika" yang dimaksudkan dalam pernyataan di atas. Kemudian, terangkan pula secara kritis salah satu [1] model kajian yang dikatakan datang dari luar tradisi Eropah-Amerika.

2. Bahaskan konsep emergent literature dan emerging literature seperti yang dikemukakan oleh Wlad Godzich.

Dengan merujuk kepada satu kes yang tertentu, kemukakan pendapat anda bagaimana sesebuah emergent literature boleh mencabar pretensi dan andaian yang tersirat dalam disiplin Kesusasteraan Bandingan bahawa semua jenis kesusasteraan dari berbagai kelompok manusia, masa dan tempat dapat digarap melalui satu wacana dan puitika yang sama dan padu.

.../2

3. Dengan merujuk kepada frasa Salman Rushdie "the Empire writes back," jelaskan konsep kesusasteraan pasca-kolonial seperti yang dimaksudkan oleh Bill Ashcroft dan teman-temannya.

Berdasarkan penjelasan anda tentang perkara tersebut, bincangkan pula bagaimana fahaman dan amalan "Kesusasteraan Bandingan pasca-kolonial" mencabar fahaman dan amalan Kesusasteraan Bandingan terdahulu yang menjunjung tinggi kanun-kanun murni kebudayaan Eropah-Amerika.

**BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan**

4. Clayton Koelb dan Susan Noakes (dalam *The Comparative Perspective on Literature*) membayangkan bahawa Kesusasteraan Bandingan masa kini telah mengenyepikan kajian-kajian tentang tema dan pergerakan. Susan Bassnett (dalam *Comparative Literature: A Critical Introduction*) menafikan pernyataan ini.

Berdasarkan pembacaan anda, apakah keadaan yang sebenar tentang perkara yang dipertikaikan. Perkukuhkan jawapan anda dengan alasan-alasan dan/atau contoh-contoh yang tepat.

5. Bincangkan kajian genetik secara am dalam disiplin Kesusasteraan Bandingan.

Dengan merujuk kepada peringkat-peringkat yang terdapat dalam perhubungan genetik antara karya-karya, jelaskan peringkat yang paling penting yang perlu diteliti oleh seseorang apabila mengkaji fenomena pengaruh (peniruan tidak sedar).

6. Bandingkan kaedah bacaan yang mapan di dalam Kesusasteraan Bandingan dengan kaedah-kaedah bacaan yang mutakhir seperti "bacaan dekonstruktif" dan **gynocritics**. Perbandingan anda mestilah merujuk kepada andaian-andaian asas bagi kedua-dua kelompok bacaan tersebut dan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai.

7. Bincangkan secara kritis aspek-aspek dan masalah-masalah yang ketara di dalam proses adaptasi karya kesusasteraan kepada karya filem. Perbincangkan anda mestilah berasaskan kepada kes-kes adaptasi yang sebenar seperti **Rashomon**, **For Whom the Bell Tolls** dan filem-filem lain yang anda telah kaji.

-ooo000ooo-